

28/03/1997

Program khas tambah kelas menengah Melayu

GEORGETOWN, Khamis - Kerajaan negeri akan merangka satu program khas bagi membantu menambah bilangan kelas menengah Bumiputera di negeri ini, khususnya melalui pembabitan dalam projek dan bidang yang dikenal pasti.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata antara kaedah yang akan digunakan, termasuk memberi peluang melaksanakan projek yang dipilih kepada syarikat Bumiputera yang layak.

Menurutnya, ketika ini, kaedah kerajaan negeri ialah menggunakan agensi kerajaan, termasuk Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) untuk memberikan projek tertentu kepada syarikat Bumiputera yang berpotensi.

"Dengan cara itu, pemaju yang dipertanggungjawabkan oleh Perda akan mengenal pasti projek yang boleh diserahkan kepada syarikat Bumiputera untuk dilaksanakan," katanya mengulas tindakan kerajaan negeri untuk menambah golongan itu, selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembelian kedai pejabat antara Aseania Development Sdn Bhd dengan enam bank tempatan, di sini hari ini.

Shariff yang juga Pengerusi Perda, berkata ketika ini, penawaran projek tertentu kepada syarikat Bumiputera adalah cara paling baik dapat dilakukan oleh kerajaan negeri bagi membantu usaha itu.

(END)